

→ SASTERA & BUDAYA

Info

Hang Tuah

→ **Laksamana Kesultanan Melayu Melaka** sekitar abad ke-15

→ **Dilahirkan di Kampung Sungai Duyong, Melaka** pada tahun 1444

→ **Bapanya, Hang Mahmud** ialah hulubalang istana yang handal

Kajian DNA buang masa

→ Kewujudan pahlawan Melayu dibuktikan pakar sejarah tanah air, luar negara



Oleh **Amir Mamat**
bhnews@bh.com.my

► Melaka

Ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas pihak yang mendakwa waris Hang Tuah tidak diperlukan untuk membuktikan kewujudan tokoh itu kerana bukan saja tidak relevan, bahkan membuang masa dan tenaga.

Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Datuk Wira Dr Mohd Jamil Mukmin, berkata kewujudan pahlawan Melayu itu sudah pun dibuktikan menerusi kajian ramai pakar sejarah dan sastera sama ada dalam mahupun luar negara sejak lebih

60 tahun lalu.

“Cadangan ujian DNA seperti yang disarankan oleh beberapa pengkaji sejarah tidak diperlukan lagi kerana Hang Tuah memang sudah terbukti wujud.

“Tokoh pahlawan dunia termasuk dari Empayar Greek dan China tidak dibuktikan melalui ujian DNA untuk mengesahkan kewujudan mereka. Jadi mengapa hanya bukti kewujudan Hang Tuah saja yang memerlukan ujian itu,” katanya pada sidang media khas di pejabatnya di Batu Berendam di sini, semalam.

Ambil sampel DNA

Beliau mengulas laporan akhbar, baru-baru ini, bahawa pasukan pengkaji sejarah Hang Tuah dari Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengambil sampel DNA di setiap kubur yang dikenal pasti milik pahlawan terbabit untuk memperoleh bukti sahih kewujudan pahlawan Melayu itu.

Polemik Hang Tuah tercetus apa-



Mohd Jamil (kanan) menunjukkan penerbitan yang membuktikan kewujudan Hang Tuah di Batu Berendam, Melaka, semalam.

bila Karyawan Tamu Universiti Malaysia (UM), Prof Emeritus Dr Ahmat Adam menolak kewujudan nama itu, sebaliknya hanya akan menerima tokoh berkenaan wujud jika dibuktikan melalui kajian DNA atau penemuan lain yang mengesahkan laksamana hebat pada zaman Kesultanan Melaka itu sebagai Hang Tuah.

Susulan itu, tokoh sejarah, Tan Sri Prof Emeritus Dr Khoo Kay Kim, mendakwa ketiadaan DNA menyebabkan beberapa pihak gagal membuktikan bahawa mereka

adalah daripada keturunan Hang Tuah.

Mohd Jamil berkata, pelbagai seminar dan forum yang dianjurkan banyak pihak termasuk Seminar Hang Tuah Wira Alam Melayu dan Forum Hang Tuah Memang Wujud, menunjukkan kesahihan laksamana Melayu berkenaan.

Katanya, bukti kewujudan Hang Tuah bukan saja berasaskan kajian ahli sejarah negara dan sumber Melayu lain seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, bahkan dokumen lain dari luar negara.

[FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]